



PENGANJUR dan tetamu kehormat bersama dengan sarjana yang menghadiri persidangan itu.

UMS digesa mula program kaji undang-undang adat

Sherell Jeffrey DE 12.4.2018 3

KOTA KINABALU: Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Richard Malanjum mencadangkan supaya Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempertimbang untuk memulakan program yang mengkaji undang-undang adat di Sabah dan Sarawak.

"Saya membuat satu cadangan kecil dan ia adalah, kita mempunyai masalah besar mengenai undang-undang adat di Sabah dan Sarawak," katanya apabila merasmikan Persidangan Antarabangsa mengenai Undang-Undang dan Masyarakat yang diadakan di UMS di sini, Rabu.

Malanjum berkata, beliau tahu ia merupakan subjek di beberapa universiti tempatan di Semenanjung, tetapi ia hanya sebahagian kecil daripada perkara sebenar.

"Kelmanin, saya menghadiri ceramah lain dan ia daripada masyarakat tempatan sendiri, dan mereka menceritakan makna sebenar kehidupan, makna pembangunan lestari, makna bagaimana untuk hidup apabila tidak ada lagi yang hendak diperhatikan, itulah pengajaran yang saya dapat daripada perbincangan kelmarin," katanya.

Beliau berkata perkara-perkara itulah yang harus dipelihara kerana satu hari nanti kita akan memerlukannya.

"Saya berfikir kalaularah terdapat sijil atau diploma dalam pengajian pribumi yang boleh dimulakan oleh UMS mungkin di bawah Fakulti Kemanusiaan, ia tentu amat baik," katanya.

Janjinya untuk menjadi orang pertama membantu dan memberi kuliah menerima tepukan daripada peserta persidangan tiga-hari itu.

Sementara itu, beliau berkata mereka sudah mula mengumpulkan bahan dari semua tempat, menambah mereka telah pun mengadakan tiga mesyuarat untuk semua pemimpin masyarakat pribumi.

"Kami sebenarnya membuat dokumentasinya dan mudah-mudahan dalam setahun dua kami akan selesai melakukan dan mengadakan bengkel dan sebagainya."

"Kebimbangan terbesar kami, adalah generasi muda, mereka nampaknya sudah lupa nenek moyang mereka ... secara harfiah, mereka perlu mengenal keturunan mereka supaya dapat bergairah ke depan."

"Mereka fikir WhatsApp sudah cukup dalam kehidupan, saya tidak fikir ia betul, jadi begitulah ... kepada generasi muda kami mahu menanam kasih sayang dan juga ikatan kepada kebudayaan dan identiti mereka."

"Sebaik semua itu hilang, kamu tidak akan ada identiti sebagai insan manusia, jadi sebab itulah kami begitu bimbang mengenai generasi muda, mereka nampaknya sudah melupakannya."

"Dengan itu saya berharap UMS dapat membantu kita dalam hal ini dan kami tentu amat senang hati," katanya.

Dalam pada itu, beliau menggalakkkan peserta, khususnya



MALANJUM (kedua dari kanan) menyempurnakan upacara pembukaan persidangan itu. Turut kelihatan, Zaki (kanan), Zaleha dan Kamarudin (kiri).

pelawat kali pertama di sini untuk meluangkan masa untuk melawat ibu negeri ini.

"Hiburan malam hari di Kota Kinabalu amat menarik, dengan Jalan Gaya umpsama perayaan 24-jam, satu tempat yang tenteram dan menyenangkan untuk bersiar-siar," katanya.

Beliau berkata, empat tahun lalu, beberapa kejadian ragut berlaku dan Pengerusi Lembaga Penggarah UMS Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi yang juga ketua hakim ketika itu berkata, "Kita perlu serius mengenai perkara ini."

"Jadi kami mula menjatuhkan hukuman penjara kepada mereka, mengenakan hukuman berat dan sebatan, dan tentu saja ia menurun, kerana Zaki mengingatkan kami mengenai perkara itu."

"Jadi sekarang tidak banyak lagi kejadian ragut dan pasukan polis tentu saja amat berjaga-jaga dalam semua ini, jadi berjalanlah di Kota Kinabalu," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas kepada pengajar kerana mengadakan ceramah di UMS dan berharap lebih banyak persidangan seperti itu akan diadakan di sini untuk menarik lebih banyak perbincangan intelek.

"UMS malah mungkin menjadi pusat kebijaksanaan pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Professor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin yang dalam ucapan alu-aluannya menyebut bahawa beliau sebelum itu mempunyai perbincangan awal dengan moderator persidangan yang bertanya kenapa mereka tidak mempunyai program undang-undang di Sabah.

"Ia sebenarnya satu isu yang amat menarik untuk dibincangkan dan saya ingin sebut bahawa kami mungkin tidak boleh memulakan program penuh, tetapi kami akan mencari jalan untuk membuat program dengan rakan institusi."

"Mungkin kami boleh bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) atau universiti lain yang mempunyai program undang-undang dan lihat bagaimana mereka boleh majukan," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan menghuraikan apabila diminta mengulas lanjut mengenai perkara itu.